



MAQASID AL- QURAN DAN PEMUSAFIRAN: TINJAUAN TERHADAP SURAH AL-KAHF

Hanis Farhana Md.Wahid, Ainnur Syafikah Sabran, Nurin Suhaila Othman, Nurul Zahirah Zahid, Nur Amirah Mohd Adenan & Wan Mohd Yusuf Wan Chik*
mirae080412@yahoo.com

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin.

ABSTRAK

Pengenalan: Al-Quran banyak sekali menceritakan kisah perjalanan para nabi dan pengikutnya untuk pelbagai tujuan. Hal ini menggambarkan bahawa pemusafiran adalah merupakan suatu perkara yang lumrah dalam kehidupan manusia. Antara kisah pemusafiran dalam al-Quran adalah kisah nabi Musa dan seorang pemuda yang bermusafir untuk menemui seorang hamba yang soleh. Kisah ini wajar digali pengajaran dan hikmahnya kerana pemusafiran merupakan suatu tuntutan kehidupan mengikut pada peredaran zaman. **Objektif:** Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan konsep, matlamat(maqasid) dan pengajaran di sebalik pemusafiran Nabi Musa dalam surah Al-Kahf. **Metodologi:** Bagi merealisasikan kajian berbentuk kualitatif ini, bahan-bahan kepustakaan akan dikumpulkan dan kemudiannya dianalisis secara deduktif dan induktif. Kajian ini melibatkan kitab-kitab tafsir, kisah al-Quran dan jurnal yang berkaitan. **Dapatan:** Kajian mendapati bahawa kisah ini menggariskan tentang objektif, adab dan pengajaran yang perlu diadaptasi oleh seseorang musafir. Sehubungan dengan itu, kisah ini menjadikan kembara ilmu dan tarbiyah sebagai salah satu matlamat dalam musafir. Ia juga menyelitkan tentang adab dan nilai seperti bersabar, taat, istiqamah dan tawakkal sebagai bekalan setiap orang musafir. Maka dengan itu, daripada kisah ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada masyarakat terutama kepada pemusafir. **Kesimpulan:** Tujuan orang yang bermusafir sama ada untuk belajar, melancong, bekerja dan sebagainya seharusnya menghayati obketif, nilai dan ibrah sesebuah pemusafiran bagi menjamin kemaslahatan serta sejajar dengan kehendak syarak.¹

Kata Kunci: Nabi Musa dan Nabi Khidir, Surah Al-Kahf, ilmu pengetahuan, pemusafiran, pengajaran.

Pengenalan

Islam adalah agama yang indah dan sentiasa menggalakkan umatnya untuk mendalami ilmu pengetahuan khususnya ilmu-ilmu di dalam al-Quran. Malah, al-Quran mampu membentuk jati diri yang teguh, menjadikan manusia terdidik dengan akhlak dan budi pekerti tinggi, rajin berusaha dan berilmu tinggi. Namun pengamalan membaca al-Quran beserta tadabbur amat kurang dititikberatkan pada masyarakat kini. Al-Quran dibaca hanya sekadar mementingkan khatam tanpa disusuli dengan kefahaman dan penghayatan dalam kehidupan seharian. (Nurul Zakirah Mat Sin, 2014). Al- Quran

merupakan mukjizat teragung dan diturunkan melalui Nabi Muhammad s.a.w untuk memenuhi hajat dan keperluan manusia dalam setiap situasi dan keadaan. Di dalam al-Quran juga ada menceritakan tentang kisah-kisah nabi dan umat-umat terdahulu yang boleh dijadikan sebagai motivasi dan pengajaran dalam menjalani kehidupan. Contohnya, kisah yang terdapat dalam al-Quran yang ingin dianalisis dalam artikel ini ialah kisah perjalanan atau musafir Nabi Musa a.s. yang disematkan Allah S.W.T dalam surat al-Kahf ayat 60-62. Apabila membicarakan pengembaraan dan pemusafiran ini pastinya tempat persinggahan menjadi sesuatu keperluan yang utama bagi pengembara. Ekoran itulah pemusafiran, pengembaraan atau pelancongan merupakan suatu aktiviti yang sangat digalakkan oleh agama Islam. Pelancongan merujuk kepada aktiviti melibatkan pergerakan fizikal individu daripada tempat bermukim keluar ke tempat yang lain (Jamudin, 2012). Keperluan kepada pelancongan dilihat sejajar dengan gaya hidup manusia yang memerlukan pergerakan untuk pelbagai tujuan. Melalui pelancongan, ianya akan mendekatkan lagi manusia itu kepada penciptanya dengan melihat keindahan alam ini.

Jadi, jelaslah bahawa kita perlu sentiasa menjaga Maqasid Syariah dalam apa jua keadaan terutamanya ketika dalam pemusafiran dan menuntut ilmu yang bertujuan bukan terhadap kemungkaran. (Haji Abdul Karim Amrullah, 1983). Oleh itu, kita juga boleh mendapati pelbagai pengajaran dan sumber motivasi apabila kita mengikuti kisah perjalanan atau pemusafiran Musa a.s di dalam Surah al-Kahf.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep, matlamat (maqasid) dan pengajaran di sebalik pemusafiran Nabi Musa dalam surah Al-Kahf.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan dengan reka bentuk kajian menggunakan kaedah analisis pengumpulan data dan kajian perpustakaan terhadap surah Al-Kahfi dengan berpandukan sumber daripada kitab Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir Tabari dan Tafsir Al-Azhar.

Metod daripada peristiwa pemusafiran yang berlaku adalah metod pendidikan iaitu mengenai pengembaraan ilmu Nabi Musa dengan seorang hamba Allah yang soleh iaitu Nabi Khidir, sewaktu mereka bermusafir. Sepanjang pemusafiran yang berlaku terdapat banyak peristiwa yang luar biasa serta setiap perkara yang dilalui adalah sesuatu yang melangkaui akal yang waras. Oleh itu, berdasarkan peristiwa tersebut, pengkaji dapat meneliti bahawa metod yang digunakan oleh Nabi Khidir adalah tunjuk ajar dan contoh tauladan yang merupakan sesuatu hal yang amat penting ketika proses pengajaran berlangsung.

Selain itu, berlakunya interaksi dua hala iaitu perbualan antara Nabi Khidir dan Nabi Musa sebelum perjalanan mereka bermusafir. Setiap proses interaksi terjadi berdasarkan situasi, bukannya tertumpu pada satu pihak sahaja. (Zawawi Ahmad, 1998)¹. Melalui interaksi ini, setiap rentetan peristiwa yang berlaku dapat dihuraikan secara mudah oleh Nabi Khidir kepada Nabi Musa dan dapat merungkaikan segala tanda tanya yang ada di dalam pemikiran Nabi Musa. Seterusnya, dalam metod ini juga Nabi Khidir menggunakan kaedah pendekatan *al-tarhib wa targhib* iaitu galakan dan ancaman. Dalam kisah ini adalah baginda meminta Nabi Musa untuk patuh dan taat pada arahan yang diberikan sepanjang perjalanan mereka bersama kerana terdapat banyak hikmah yang tersembunyi yang tidak diketahui oleh Nabi Musa.²

Kesimpulannya, metod ini boleh digunakan oleh pendidik dalam mendidik anak bangsa sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang kini semakin mencabar. Justeru itu, sepanjang perjalanan bermusafir perlunya sifat muhasabah untuk merasakan masih banyak kekurangan yang ada dalam diri dan kelebihan yang ada pada orang lain.

Kerangka Teori

Menurut 'Allal Al-Fasy (1993) *Maqasid Syariah* bermaksud tujuan daripada syarak, dan rahsia-rahsia yang diletakkan oleh Allah SWT pada setiap hukum- hakamNya. Maka, jelaslah bahawa *Maqasid Syariah* ialah apa yang diinginkan oleh Allah SWT kepada hambanya dalam bentuk kebaikan yang tersembunyi daripada pengamalan hukum

¹ <http://journal.kuis.edu.my/attarbawiy/wp-content/uploads/2017/12/32-36.pdf>

² Ibn Kathir, Tafsir al - quran al-azim(Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nasyar wa al-Tawzi':2004).

syarak. Penggunaan akal semata-mata agar bertepatan dengan kehendak nafsu dalam mentakwil maqasid sesuatu hukum syarak adalah tidak dibenarkan sama sekali. Hal ini kerana ia dapat merosakkan institusi agama itu sendiri.³

Selain itu, menurut Hamid (2011), ilmu adalah pengetahuan yang telah teruji kebenarannya melalui metod-metod ilmiah. Oleh sebab itu, seseorang yang memiliki ilmu dituntut memiliki sifat-sifat terbuka, jujur, teliti, tidak mudah percaya tanpa adanya bukti-bukti dan tidak cepat putus asa dalam melakukan sesuatu pekerjaan.⁵ Menurut al-Qurtubi (1958) pula, syariah Islam bermakna apa sahaja peraturan yang ditentukan oleh Allah S.W.T ke atas umat manusia melalui Rasul-Nya Nabi Muhammad S.A.W.⁶ Manakala Syeikh Yūsuf al-Qardhāwi (2001), berpendapat syariah Islam adalah apa jua yang disyariatkan oleh Allah S.W.T kepada hamba-Nya dalam agama atau apa saja yang yang dianjurkan agama dan diperintah untuk melakukannya seperti puasa, solat, haji, zakat, dan segala perbuatan baik.⁷

Seterusnya, definisi konsep musafir menurut artikel Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019), musafir adalah perjalanan seseorang hamba daripada satu tempat ke satu tempat yang lain. Ianya boleh menyebabkan kesulitan dan kemudharatan kerana menimbulkan kesukaran, keletihan dan menghalang keselesaan, kerehatan serta kesempurnaan dalam beribadah sepanjang perjalanan.⁸ ⁴ Justeru, Rasulullah SAW telah mengajar para sahabat dan umat Baginda SAW mengenai sunnah semasa bermusafir agar setiap kesusahan dan kesukaran yang dihadapi tidak terlepas daripada mendapat ganjaran pahala di sisi Allah SWT.

Dapatan Kajian

Maqasid al- Syariah merupakan suatu wacana yang berlaku perkembangan sebagaimana disiplin ilmu Islam yang lain dalam Usul Fiqh amnya. Ia adalah asas kepada segala perlakuan *mukallaf* dan menjadi enjin yang menggerakkan aktiviti manusia dalam merialisasikan kepentingan umum iaitu memberi manfaat dan menghindarkan kerosakan

³ Al-Fasy, 'Allal. (1993). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah wa Makarimuha*, t.t: Dar Al-Gharb Al-Islami, Halaman 7.

⁵ Hamid, Sudihati. 2011. *Modul Ilmu Pengetahuan dan Penelitian Ilmu* (<http://gz316pdg.blogspot.com/2011/05/ilmu-pengetahuan-dan-penelitian-ilmiah.html>).

⁶ Al-Qurtubi, (1958), al-Jami" Li Ahkam al-Quran, j. 6, Kaherah: Dar al-Kutub, h. 211 & j.16, halaman 10

⁷ Yusuf al-Qardhawi (2001), Pengantar Belajar Shari"at Islam, Beirut, Lebanon: Muassasah Risalah, halaman. 9.

⁸ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019), *Pesanan Untuk Musafir*, (<http://www.islam.gov.my/ehadith/1519-pesanan-untuk-musafir>).

bagi mencapai keredaan Allah.⁵ Seperti yang sedia maklum, aplikasi Maqasid Syariah terbahagi kepada 5 termasuklah hifzu Addin (menjaga agama), hifzu nafs (memelihara jiwa/nyawa), hifzul 'aql (memelihara akal), hifzun nasab (memelihara keturunan) dan hifzun mal (memelihara harta).

Dalam kajian ini, kita akan menyelusuri bab Maqasid al-Quran dan Pemusafiran yang berkait rapat dengan satu kisah yang terdapat di dalam Surah Al-Kahfi iaitu tentang Nabi Musa bertemu Nabi Khidir. Dalam kisah ini juga telah menekankan perlunya pengetahuan dalam penelitian konsep bermusafir kepada kehidupan masyarakat. Konsep pengajaran dan pembelajaran di ambil kira sebagai suatu elemen yang penting dalam pemusafiran. Allah telah berfirman dalam Surah al-Kahf ayat 60 :

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِفَتَاهُ لَبَّٰبُ رَبِّكَ أَفَرَّطًا ۚ أَتَىٰ أَبَٰرَٰحَ حَتَّىٰ أَبْطَلَ مَجْمَعَ الْبَحْرَيْنِ أَوْ أَمْضِيَ حُقُبًا ۖ (٦٠)

Maksudnya : “ Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Nabi Musa berkata kepada temannya: “ Aku tidak akan berhenti berjalan sehingga aku sampai di tempat pertemuan dua laut itu atau aku berjalan terus bertahun-tahun.”

Secara ringkasnya, ayat ini telah menceritakan kepada kita bahawa betapa kentalnya keazaman Nabi Musa A.S untuk menuntut ilmu daripada seseorang yang dianugerahkan ilmu yang tidak diberikan kepada beliau walaupun beliau sendiri seorang Rasul. Selain daripada itu, betapa Nabi Musa ini ingin menuntut ilmu dan berhasrat untuk berguru dengan Nabi Khidir maka beliau telah membawa Nabi Musa menjelajah muka bumi, berdasarkan ayat:

فَأَنْطَلَقَا حَتَّىٰ إِذَا رَكِبَا فِي السَّفِينَةِ خَرَقَهَا قَالَ أَخَرَقْتَهَا لِتُغْرِقَ أَهْلَهَا لَقَدْ جِئْتَ شَيْئًا إِمْرًا ۗ (٧١)

⁵<https://www.researchgate.net/publication/308966376> Pemakaian Maqasid AlSyariah Objektif Syariah Sebagai Seismograf Dalam Penilaian Isu Semasa

Maksudnya :“ *Lalu berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka naik ke sebuah perahu, ia membocorkannya. Nabi Musa berkata: “ Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan itu menenggelamkan penumpang – penumpangnya? Sesungguhnya engkau telah melakukan satu perkara yang besar”.*

(Al Kahfi 18:71)

Hal ini telah menunjukkan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran tidak semestinya berlangsung di tempat rasmi sahaja seperti di masjid, di dalam dewan dan sebagainya. Pemusafiran, penjelajahan dan pengembaraan juga merupakan kaedah menuntut ilmu *ladunni* daripada Allah s.w.t dan dikisahkan pula dalam kitab suci Al-Quran sebagai panduan dan hidayah kepada seluruh umat manusia. Rentetan daripada kisah Nabi Musa dalam mencari ilmu, antara cabaran yang dilalui oleh Nabi Musa termasuklah perbuatan Khidir yang memecahkan sampan, membunuh kanak-kanak dan membantu membina bangunan yang hampir roboh di sebuah kampung yang disinggahi mereka tetapi tidak diraikan oleh penduduk kampung. Ketiga-tiga perbuatan Khidir ini merupakan satu bentuk ilmu serta ajaran yang Allah tunjukkan kepada baginda. Secara ringkasnya, ilmu berkaitan kesabaran tidak dapat menentukan keperibadian diri seseorang, tetapi ianya dapat dilihat melalui tindakan serta perbuatan seperti Nabi Musa yang berkeyakinan akan mampu bersabar ketika bersama Nabi Khidir.

Seterusnya, adab dalam menuntut ilmu dapat diambil daripada Kisah Nabi Musa bersama Khidir apabila kisah mereka yang melanggar perjanjian iaitu beberapa kali bertanyakan kepada Nabi Khidir tentang pelajaran yang belum berhak dipelajarinya, walaupun telah dimaklum dan diingatkan lebih awal sebelum perjalanan bermula, namun begitu Nabi Khidir telah menegurnya dengan tenang tentang sifat muridnya yang kurang bersabar. Hal ini dapat disimpulkan bahawa sebagai seorang pendidik dan pelajar, seharusnya proses menuntut ilmu memerlukan masa yang secukupnya dan tidak perlu dilakukan dengan segera dan tergesa-gesa.

Kisah Zulkarnain juga boleh diselitkan di dalam perbahasan ini, antaranya adalah kerana di dalam kisah beliau yang telah berjalan dan mengembara, kemudiannya berjalan dan mengembara, kemudiannya berhenti di beberapa kawasan iaitu kawasan matahari

terbenam atau di sebelah barat, matahari terbit atau di sebelah timur dan di antara dua buah gunung. Di perhentian yang pertama iaitu di sebelah barat atau tempat terbenamnya matahari, Zulkarnain telah bertemu dengan kaum yang kufur dan ingkar. Allah telah memberi pilihan kepada Zulkarnain sama ada membunuh mereka atau menyuruh mereka beriman. Bagi orang beriman yang mengerjakan amal soleh, di akhirat nanti akan menerima balasan yang baik, layanan yang saksama, penghormatan, bantuan dan kemudahan. Syed Qutb juga menyatakan bahasa keputusan yang dibuat oleh Zulkarnain merupakan satu bentuk perlembagaan seorang pemerintah yang baik.¹⁰

Pada perhentian yang kedua pula iaitu di sebelah timur atau tempat terbit matahari, Zulkarnain telah bertemu dengan kaum yang tidak mendapat sebarang perlindungan daripada cahaya matahari. Keadaan tempat tinggal yang digambarkan di sini adalah berupa padang pasir dan keadaan mereka tanpa pakaian yang dapat melindungi mereka daripada matahari. Dalam perjalanan beliau berhenti di antara dua gunung, beliau diminta oleh kaum yang berada di situ untuk membina tembok bagi menghalang Ya'juj dan Ma'juj.

Oleh yang demikian, dibinalah tembok pemisah antara kaum tersebut dengan Ya'juj dan Ma'juj.⁶ Secara keseluruhannya, terdapat beberapa iktibar dan pengajaran yang boleh diambil daripada kisah pengembaraan Zulkarnain yang terdapat dalam surah al-Kahfi ini. Antaranya yang pertama, keperibadian pemerintah itu sendiri adalah kunci keamanan negara seperti keperibadian yang dimiliki oleh Zulkarnain. Sebagai pemerintah, Zulkarnain telah menunjukkan keperibadian yang terpuji dan soleh. Kedua, kita dapat lihat apabila beliau sampai di kawasan antara dua gunung, baginda mendengar pengaduan rakyat di situ serta permintaan mereka untuk dibina tembok dengan ditawarkan dengan pemberian upah. Sebaliknya, beliau menolak untuk menerima pemberian daripada mereka kerana beliau menyedari bahawa sebagai seorang pemerintah itu sememangnya menjadi tanggungjawab serta amanah yang diletakkan buat para pemerintah. Hal ini dapat membuktikan lagi bahawa keadaan hati Zulkarnain dan segala niat serta hasratnya terbuka kepada ilmu Allah seperti kaum yang telah dinyatakan yang memerlukan perlindungan kerana terdedah kepada pancaran matahari.⁷

⁶ Muhammad Jamal al-Din al-qasini, *Mahasinu al-Ta'lil* (Kaheerah: Dar hadith, 2003, 7: 70-71

⁷ Al Fakhr al-Razi, *al-Tafsir al Kabir*, 163-164

Penutup

Kesimpulannya, menurut Wan Mohd Yusuf Wan Chik (2019), tujuan bagi orang yang bermusafir sama ada untuk menuntut ilmu, melancong, bekerja dan sebagainya seharusnya menghayati objektif, nilai dan ibrah sesebuah pemuafiran bagi menjamin kemaslahatan serta sejajar dengan kehendak syarak.⁸ Berdasarkan surah al-Kahf ayat 62-63 telah menceritakan peristiwa di mana kisah perjalanan Nabi Musa bertemu dengan Nabi Khidir atas perintah Allah Ta'ala yang mana ia mencirikan konsep pemuafiran dalam menuntut ilmu. Dalam konsep maqasid Syariah, sebagai umat Islam kita perlu mempunyai lima elemen utama iaitu kita perlu menjaga agama, memelihara jiwa, memelihara akal, memelihara nasab dan memelihara harta. Berdasarkan ayat 62-63 surah al-Kahf apa yang kita dapat fahami ialah sebagai seorang penuntut ilmu haruslah bersabar dan tidak tergesa-gesa dalam menuntut ilmu kerana proses menuntut ilmu memerlukan masa yang panjang dan secukupnya kerana ilmu yang ingin disampaikan adalah suatu ilmu yang baharu. Selain itu, sebagai penuntut ilmu terutamanya yang sedang bermusafir tidak seharusnya bertanyakan soalan yang tidak mampu dijawab oleh gurunya kerana ia merupakan tegahan dan pantanglarang bagi orang yang bermusafir.⁹ Sebagai contoh, pemuafiran antara Nabi Musa dan Nabi Khidir dan akhirnya Nabi Khidir memutuskan untuk berpisah disebabkan Nabi Musa telah melanggar janji buat kali ketiga. (Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Izzuddin Pisol, Mohammad Ehsan Ahmad Sokri (2017). Oleh itu, sebagai penuntut ilmu diingatkan untuk mematuhi segala arahan yang diberikan oleh tuan guru sepanjang pemuafiran kerana ia adalah untuk memudahkan proses pemuafiran berlaku.

Penghargaan

Alhamdulillah, kami merafakkan sepenuh kesyukuran kehadiran Ilahi dengan limpah dan kurniaNya, dapat kami menyelesaikan tugas kerja kursus ini dengan penuh jayanya. Kami menjulang sepenuh penghargaan kepada Ustaz Wan Mohd Yusuf bin Wan Chik, pensyarah bagi kursus Al- Maqasid al- Syar'iyah (SYI 31003), di atas kesudian beliau memberi tugas ini kepada kami. Beliau juga banyak membantu kami sepanjang proses pembentukan tugas ini berlaku. Kami juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada

⁸ Wan Mohd Yusuf Wan Chik (2019), Unisza

⁹ Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Izzuddin Pisol, Mohammad Ehsan Ahmad Sokri. (2017). *Ibrah Kisah Nabi Khidir dalam surah al-Kahfi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Alaf Baru*, t.t: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Halaman 32-36.

rakanrakan yang banyak membantu kami secara langsung atau tidak langsung sepanjang proses merealisasikan tugas ini berjalan. Pelbagai ilmu yang dapat kami rungkai sepanjang kami menyiapkan tugas ini. Pada dewasa ini, pelbagai pembangunan dan segenap sudut begitu pesat terbina, begitulah juga pembangunan dalam bidang pendidikan. Justeru itu, haruslah mahasiswa ini tergolong dalam orang yang sentiasa menyaingi peradaban zaman yang begitu hebat. Sebelum kami mengundur diri terimalah serangkap mutiara kata dari kami sebagai renung-renungan dan selamat beramal.

Rujukan

1. Al-Fasy, 'Allal. (1993). *Maqasid Al-Syariah Al-Islamiyyah wa Makarimuha, t.t: Dar Al-Gharb Al-Islami*, Halaman 7.
2. Al Fakhr al-Razi, al-Tafsir al Kabir, 163-164.
3. Ahmad Shafiq Mat Razali, Mohd Faez Ilias, Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Izzuddin Pisol, Mohammad Ehsan Ahmad Sokri. (2017). *Ibrah Kisah Nabi Khidir dalam surah al-Kahfi terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Alaf Baru*, t.t: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Halaman 32-36.
4. Al-Qurtubi, (1958), al-Jami" Li Ahkam al-Quran, j. 6, Kaherah: Dar alKutub, h. 211 & j.16, halaman 10
5. Haji Abdul Karim Abdullah (HAMKA), 1983, *Iman Dan Amal Soleh*, Kuala Lumpur: Pustaka Melayu Baru halaman 2
6. Hamid, Sudihati. 2011. *Modul Ilmu Pengetahuan dan Penelitian Ilmu* (Online, <http://gz316pdg.blogspot.com/2011/05/ilmu-pengetahuan-danpenelitian-ilmiah.html>).
7. [Http://journal.kuis.edu.my/attarbawiy/wp-content/uploads/2017/12/32-36.pdf](http://journal.kuis.edu.my/attarbawiy/wp-content/uploads/2017/12/32-36.pdf)
8. Ibn Kathir, Tafsir al-quran al-azim(Riyadh: Dar al-Salam Li al-Nasyar wa al-Tawzi':2004).
9. Jamudin, I. (2012, February). Memperkasa pelancongan Islam. *Milenia Muslim*, 4
10. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019), *Pesanan Untuk Musafir*, (Online, <http://www.islam.gov.my/e-hadith/1519-pesanan-untuk-musafir>).
11. Muhammad Jamal al-Din al-qasini, Mahasinu al-Ta'lil (Kaherah: Dar hadith, 2003, 7: 70-71.
12. Nurul Zakirah Mat Sin, 2014: Definisi Qawa'id Al-Tadabbur : Satu Analisis Perbandingan Dengan Qawa'id Al-Tafsir.
13. Syed Qutb, fi Zilal al-Qur'an, 2291.
14. Wan Mohd Yusuf Wan Chik (2019), Unisza
15. Yusuf al-Qardhawi (2001), Pengantar Belajar Shari"at Islam, Beirut, Lebanon: Muassasah Risalah, halaman. 9.